



# Ancaman pornografi siber membimbangkan

**P**ENCIPTAAN internet pada 1990-an membawa pelbagai tindak balas positif dan negatif di seluruh dunia. Hari ini, di United Kingdom (UK) penggunaan internet dan pencapaian pemilihan internet bagi setiap rumah turut meningkat.

Statistik Dunia Internet menunjukkan penggunaan internet di UK sehingga September 2006 berjumlah 38,512,837 orang berdasarkan Nielsen Net//Ratings. Penggunaan ini dilihat meningkat dari tahun ke tahun berdasarkan perkembangan bilangan pencapaian internet di setiap rumah.

Statistik menunjukkan bahawa dari 2000 hingga 2005 saja, peningkatan sebanyak 59.8 peratus berlaku daripada keseluruhan jumlah penduduk di Britain.

Di Malaysia, statistik penggunaan internet juga didapati semakin meningkat. Dengan 14,904,000 pengguna internet sehingga Jun 2007, angka ini menunjukkan 59 peratus daripada jumlah penduduk negara mempunyai pencapaian internet daripada keseluruhan 25 juta penduduk.

Peratusan ini menunjukkan peningkatan, berbanding 15 peratus saja rakyat yang mempunyai akses internet pada 2000. Dalam pada itu, jangkaan pengguna internet di Malaysia akan terus meningkat menjelang 2012 yang dijangkakan meningkat 10 juta lagi berbanding statistik sekarang.

Namun, peningkatan akses terhadap internet ini tidak memberi semua nikmat dan kebaikan penciptaan internet itu sendiri kepada semua penggunanya. Di sebalik kemudahan disediakan internet, pornografi internet atau pornografi siber pula mengancam penduduk dunia. Industri ini memberi pulangan besar kepada keuntungan dunia yang mencecah AS\$97 bilion pada 2006.

Pulangan industri ini secara keseluruhannya dikatakan lebih besar berbanding syarikat terkemuka seperti Microsoft, Google, Amazon, eBay, Yahoo! dan Apple. Daripada jumlah itu, dikesan bahawa setiap saat, AS\$3,075.64 dibelanjakan khusus untuk pornografi di seluruh dunia, dan pada saat sama 28,258 penonton internet menonton pornografi, juga 372 pengguna internet menaip terma berkaitan kelucahan daripada enjin carian, dan setiap 39 minit satu video lucah dirakam di Amerika Syarikat.

Bagi jumlah jaringan pornografi pula, 12 peratus daripada jumlah keseluruhan laman web di dunia ini adalah laman lucah. Dengan jumlah 4.2 juta laman lucah dikesan sehingga 2006, ia menarik perhatian sehingga 420 juta 'peminat' di ruang siber.

Apakah sebenarnya pornografi siber? Pornografi siber adalah satu bentuk pornografi disebarkan menerusi sektor yang pelbagai menerusi internet, misalnya menerusi laman web, perkongsian fail atau kumpulan berita Usenet.

Walaupun hasil pornografi disebarkan luas di Barat sejak 1980 lagi, penciptaan world wide web pada 1991 membuka ruang lebih besar dan luas kepada ledakan pornografi *on-line*. Hari ini, negara yang menjalankan industri pornografi internet terhebat adalah China, diikuti Korea Selatan dan Jepun. AS menduduki tempat keempat dunia, manakala UK tempat keenam selepas Australia di tempat kelima.

Statistik ini nyata membimbangkan, kerana gejala ini bukan hanya menular di Barat malah rupanya dirajai Timur. Kemudahan penonton untuk melayari internet dari sehari ke sehari memberi peluang muat turun yang

luas terhadap gambar dan video porno.

Di Barat hari ini, pornografi internet dilihat antara salah satu masalah yang bukan saja mengancam individu dewasa, malah juga kanak-kanak. Misalnya, satu kajian yang dijalankan di Kanada mendapati 90 peratus pelajar berumur antara 13 hingga 14 tahun dilaporkan pernah terdedah kepada kandungan lucah sekurang-kurangnya sekali.

Hasil kajian juga menunjukkan remaja lelaki mempunyai kecenderungan untuk menonton laman web lucah secara sukarela. Jika dilihat di peringkat awal perkembangan pornografi di UK pula, ia berkembang menerusi industri penerbitan majalah lucah yang dijual sehingga mencecah 20 juta pada 1990 dan dibaca oleh sehingga lima juta orang.

Hasil lucah ini dibentuk dan disebarkan dengan cara berbeza di UK dan AS. Di AS misalnya, bahan lucah dihasilkan dalam bentuk jenayah yang terancang. Di UK, ia dihasilkan oleh individu tertentu dalam industri penerbitan yang turut menerbitkan hasil bukan lucah untuk umum.

Menariknya hari ini, pornografi dan impak negatifnya tidak dipandang ringan sungguhpun di Barat. Di UK, kajian mengenai impak pornografi peringkat nasional diarah dijalankan untuk menambahbaik dan melengkapkan hasil kajian terdahulu.

Kajian mengenai pornografi dan kanak-kanak di Australia pula meminta pihak kerajaan mengambil tindakan sewajarnya menentang pornografi dan keganasan yang dipaparkan media massa. Hasil kajian ini mencadangkan kesan buruk pornografi bukan disebabkan oleh kanak-kanak yang menontonnya, sebaliknya keadaan menjadi lebih buruk jika ibu bapa sendiri tidak memainkan peranan melindungi keluarga dan anak-anak daripada ancaman ini.

Kajian ini menyimpulkan pengetahuan memasang tapisan pada internet kegunaan keluarga misalnya dikatakan perlu ada pada setiap ibu bapa.

Seriusnya pengalaman pornografi di kalangan kanak-kanak di Barat tetapi tidak dianggap serius oleh ibu bapa atau penjaga mereka boleh dilihat dalam satu kajian lain yang pernah dijalankan. Dalam satu tinjauan yang mengkaji pengalaman ibu bapa dan anak terhadap penggunaan internet pada 2004, mendapati lebih se-puluh responden berumur sembilan hingga 19 tahun yang dikaji pernah menonton pornografi secara online.

Namun, hanya 16 peratus ibu bapa yang merasakan anak mereka pernah menonton pornografi daripada internet. Hal ini menunjukkan isyarat perlunya perhatian dan pemantauan lebih diberikan terhadap apa yang dilakukan oleh anak dengan kemudahan internet di rumah, sekali gus menyokong hasil kajian di Australia tadi.

Yang menariknya, hasil kajian ini juga menunjukkan 45 peratus responden berumur 18 hingga 19 tahun merasakan mereka terdedah kepada pornografi pada umur terlalu muda, dan ini tidak sepatutnya berlaku.

Dengan gejala pornografi internet yang kian rancak menular di Barat hari ini, keadaan yang menakutkan ini pastinya tidak kita ingini berlaku di Malaysia. Walaupun secara sahnya pornografi internet adalah diharamkan di Malaysia, pemantauan terhadap pelbagai laman web berkaitan amat perlu dilaksanakan.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom